

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah hala tuju penangkapan ikan tuna laut dalam di Lautan Hindi dan apakah inisiatif Kementerian untuk menggalakkan penglibatan nelayan tempatan dalam industri tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Perikanan tangkapan tuna di Lautan Hindi berpotensi besar untuk dikembangkan dan mempunyai permintaan yang tinggi daripada negara-negara pengimport seperti *European Union* (EU) dan Jepun. Pada tahun 2017, jumlah pendaratan tuna Lautan Hindi yang didaratkan di Malaysia berjumlah 2.78 ribu tan metrik dengan nilai sebanyak RM35.6 juta. Manakala jumlah eksport tuna pada tahun yang sama adalah sebanyak 1.68 ribu tan metrik dengan nilai berjumlah RM18 juta.

2. Kementerian telah menetapkan hala tuju penangkapan tuna laut dalam di Lautan Hindi berkonsepkan kepada pemacu sektor swasta (*private sector driven*). Bagi usaha ini, Kementerian telah merangka pelan strategi yang komprehensif dalam mewujudkan ekosistem

industri tuna yang mesra perniagaan dan pelaburan. Penumpuan pelan strategi tersebut adalah seperti berikut:

- Memastikan pematuhan peraturan domestik dan antarabangsa *Indian Ocean Tuna Commission (IOTC)*;
- Membangunkan prasarana pendaratan dan rantaian nilai industri tuna yang lengkap dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri seperti di Pulau Pinang dan Kedah;
- Menggalakkan pembangunan produk berasaskan tuna seperti sate tuna, burger tuna, tempura tuna dan serunding tuna;
- Mewujudkan model pembiayaan kewangan yang khusus untuk industri tuna bagi tujuan pemodenan vesel tuna tradisi;
- Mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan teknologi tangkapan tuna seperti pentaksiran stok tuna, maklumat biologi taburan dan migrasi spesies tuna, kajian ternakan tuna dalam sangkar serta program penyelidikan dan pengurusan tuna serantau; dan
- Memperkasakan pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi.

3. Selain itu, bagi menggalakkan penglibatan nelayan tempatan dalam industri tuna, Kementerian akan mengambil inisiatif seperti berikut:

- Menggalakkan pengusaha vesel laut dalam sedia ada yang mempunyai vesel bermuatan 100 GRT ke atas dan menggunakan peralatan rawai atau pukot jerut untuk menceburi industri tuna melalui program transformasi pemodenan vesel yang mematuhi keperluan syarat layar di lautan antarabangsa;

NO SOALAN : 28

- Menubuhkan persatuan khusus di kalangan pemain industri tuna tempatan sedia ada bagi mengukuhkan keupayaan, jalinan kerjasama dan perkongsian maklumat di kalangan mereka;
- Memperkasakan Akademi Perikanan Malaysia di Chendering, Terengganu dan Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah Muizzuddin Shah di Lumut, Perak bagi menggalakkan dan meningkatkan keupayaan modal insan, khususnya golongan belia untuk menceburi sektor perikanan tangkapan; dan
- Menyediakan Insentif Pengecualian Cukai Pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi menarik minat syarikat tempatan untuk menceburi perikanan tangkapan tuna.

Sekian, terima kasih.